

Buku kejayaan Dr. Mahathir arkitek pembangunan akan dipasarkan

UM - 7 OCT 2003

LANGKAWI 6 Okt. — Sebuah buku mengenai kejayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai arkitek pembangunan Langkawi bertajuk, *The Wings of An Eagle* akan berada di pasaran tidak lama lagi.

Buku bergambar setebal 206 halaman itu menceritakan mengenai peranan Dr. Mahathir terhadap pembangunan Langkawi dan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang berjaya menukar rupa bentuk pulau tersebut dari sebuah perkampungan nelayan kepada pusat pameran antarabangsa serta destinasi utama pelancong dunia.

Ia turut mengandungi temu bual penulis buku ini, bekas Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times, Datuk A. Kadir Jasin dengan Perdana Menteri, iaitu watak utama yang berjaya melakukan 'keajaiban' tersebut dalam tempoh satu dekad sahaja.

Menurut pengarah projek penerbitan *The Wings of An Eagle*, Saifuddin Abu Bakar, buku tersebut lebih merupakan penghargaan kepada Dr. Mahathir kerana ilham dan wawasannya yang unik sehingga menjadikan pulau lagenda berubah wajah.

Melalui buku ini, penulis memberi penghormatan kepada Dr. Mahathir

kerana peranan utamanya menjadikan Langkawi destinasi bertaraf dunia dan mewujudkan pameran udara dan maritim paling terkemuka di dunia.

Buku tersebut yang dijual dengan harga RM150 senaskhah dilancarkan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini semalam.

Dalam ucapannya, Najib berkata, buku yang penuh dengan gambar dan maklumat eksklusif ini akan menjadi satu lagi lambang kejayaan Langkawi di bawah perhatian khas Perdana Menteri, yang akan kekal sepanjang zaman.